

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Jumlah pesakit masuk hospital selepas Aidilfitri meningkat

Penggunaan katil bukan kritikal turut bertambah 18 peratus

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Jumlah pesakit COVID-19 membabitkan Kategori 1 hingga 5 yang dimasukkan ke hospital awam dalam tempoh 8 hingga 14 Mei lalu, minggu selepas perayaan Aidilfitri menunjukkan peningkatan mendadak.

Beberapa indikator kesihatan awam juga menunjukkan peningkatan pada kadar 100 peratus dalam tempoh sama, iaitu pada Minggu Epidemiologi (ME) 19/2022.

Ketua Pengarah Kesihatan,

Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Kementerian Kesihatan (KKM) memang sudah menjangka akan berlaku kenaikan kes selepas perayaan Aidilfitri yang disambut meriah pada awal bulan ini.

Selain kenaikan mendadak jumlah kemasukan pesakit ke hospital awam, katanya, pertambahan juga dapat dilihat pada kemasukan pesakit ke fasiliti kesihatan seperti Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) yang meningkat sebanyak 38 peratus bagi setiap 100,000 penduduk.

Kes positif COVID-19 dipantau Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) di seluruh negara juga menunjukkan peningkatan, iaitu 87.4 peratus bagi bilangan kedatangan pesakit ke CAC, manakala bilangan kes baharu menjalani pemantauan di rumah meningkat sebanyak 153.4 peratus.

"Bilangan kes COVID-19 yang

dirujuk CAC ke PKRC atau hospital pula meningkat sebanyak 28.2 peratus. Begitu juga dengan trend kes aktif COVID-19 yang dipantau secara maya," katanya dalam kenyataan, semalam.

Pemantauan CAC Maya mendapati peningkatan ketara kes aktif COVID-19, iaitu sebanyak 162.4 peratus atau daripada 13,400 kes pada ME 18/2022 kepada 35,167 kes pada ME 19/2022.

Dr Noor Hisham berkata, penggunaan katil bukan kritikal turut meningkat sebanyak 18 peratus, manakala jumlah kes baharu pada ME 19/2022 naik sebanyak 119.2 peratus iaitu daripada 8,732 kes pada ME 18/2022 kepada 19,137 kes.

Katanya, kes tempatan turut

meningkat sebanyak 119.6 peratus berbanding minggu sebelumnya, iaitu daripada 8,703 kepada

19,108 kes, namun bilangan kes import kekal sebanyak 0.01 peratus atau 29 kes.

"Sejajar dengan peningkatan kes harian pada ME 19/2022, purata nilai kebolehjangkitan (Rt) juga menunjukkan peningkatan sebanyak 70.2 peratus pada ME 19/2022 berbanding ME 18/2022," katanya.

Ketika fasa peralihan ke endemik, beliau memaklumkan, survelan COVID-19 tetap diteruskan di beberapa klinik kesihatan sentinel dan hospital sentinel di seluruh negara ke atas sampel pesakit yang mempunyai gejala jangkitan saluran pernafasan yang ri-

ngan atau teruk.


Sehingga ME 19/2022, hasil survelan COVID-19 di lokasi sentinel seluruh negara mendapati kadar positif sampel sampel pesakit Influenza (ILI) bagi COVID-19 meningkat, iaitu 6.3 peratus pada ME 18/2022 kepada 7.5 peratus pada ME 19/2022.

"Melihat peningkatan mendadak hampir semua indikator berkaitan COVID-19, KKM menegaskan semua penduduk di negara ini untuk sentiasa mengikuti nasihat disarankan kerajaan dalam mengawal dan mencegah penularan jangkitan COVID-19 dalam fasa peralihan ke endemik ini," katanya.

Dr Noor Hisham memaklumkan, terdapat beberapa penurunan peratusan yang dilaporkan pada ME 19/2022 berbanding minggu sebelumnya, termasuk penggunaan katil di Unit Rawatan Rapi (ICU) yang turun sebanyak 10 peratus.



Dr Noor Hisham



Dr Kasemani (kiri) melawat pameran selepas merasmikan Sambutan Hari Malaria Sedunia di Dewan Merdeka Kota Putera Square, Besut, semalam. (Foto Nurul Fatimah Sulaini/BH)

Dua maut jangkitan malaria zoonotik di Terengganu

Besut: Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) mengesahkan dua kematian membabitkan jangkitan malaria zoonotik di Terengganu, tahun ini.

Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr Kasemani Embong, berkata satu kes dilaporkan di daerah Hulu Terengganu manakala satu lagi di Setiu.

"Kedua-dua kes ada isu yang sama iaitu mereka mendapatkan rawatan agak lewat dan tidak me-

nyatakan dengan jelas (sejarah perjalanan).

"Kita minta sesiapa yang bekerja atau melakukan aktiviti membabitkan hutan, menyatakan sejarah pergi ke hutan atau pinggir hutan apabila dia demam dan datang ke klinik," katanya selepas merasmikan Sambutan Hari Malaria Sedunia di sini, semalam.

Dr Kasemani berkata, tindakan itu dapat membantu pihak kesihatan melakukan diagnosis yang

betul dan memberi rawatan sebaiknya.

"Dalam kedua-dua kes ini, pesakit lambat mendapat rawatan dan kami tidak mengesyaki malaria kerana simptom penyakit tidak seperti dahulu. Mereka tidak demam menggigil tetapi sekadar sakit kepala dan muntah. Sekiranya sejarah perjalanan ke hutan dimaklumkan, ia sudah tentu memudahkan kami mengesan penyakit lebih awal," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : LOKAL

Cirit-birit lepas makan sandwich

Sebuah kedai makan diarah tutup, kebersihan tak memuaskan

Oleh Mohamed Farid Noh
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Sebuah kedai makan di sini diarahkan ditutup berikutan pelanggan mengalami keracunan makanan selepas memakan sandwich yang dijual di premis berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Johor, Ling Tian Soon, berkata ia susulan aduan pengguna yang mengalami cirit-birit dan disahkan mengalami keracunan makanan selepas memakan hidangan di kedai itu.

"Susulan aduan berkenaan, Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) membuat siasatan di kedai berkenaan dan mendapati tahap kebersihan kedai itu adalah tidak memuaskan.

"Arahan penutupan premis serta tiga notis di bawah Seksyen 32B Akta Makanan 1983 dikeluarkan atas kesalahan yang melanggar Pe-



PENGUAT kuasa kesihatan memeriksa bahan masakan di sebuah kedai makan di Johor Bahru dalam satu operasi.

aturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 (PPKM).

"Pihak Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru masih melakukan pengesanan kes keracunan makanan secara aktif yang berkaitan kejadian ini dari fasiliti kesihatan swasta dan kerajaan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dalam pada itu, Tian Soon yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Yong Peng menasihati orang ramai untuk mengambil langkah pencegahan untuk mengurangkan risiko keracunan makanan.

"Di antaranya adalah memilih kedai makan dengan tahap kebersihan adalah memuaskan.

"Amalkan lihat, hidu, rasa sebelum makan untuk elakkan mengalami keracunan makanan.

"Mereka yang mempunyai gejala keracunan makanan seperti sakit perut, muntah dan cirit birit hendaklah mendapatkan rawatan segera," katanya.

HFMD: Bakal bincang penutupan taska, tadika

Hulu Selangor: Satu pertemuan khas mengenai penutupan taska, tadika dan pusat jagaan harian di Selangor susulan peningkatan kes minguuan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) akan diadakan dalam masa terdekat.

Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pertemuan itu turut membabitkan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) bagi membincangkan isu kesihatan termasuk HFMD.

Menurutnya, setakat ini beliau belum memperoleh maklumat terperinci dan laporan terbaharu mengenai penyakit terbabit.

"Kita akan bermesyuarat dengan JKNS minggu ini bagi memperincikan statistik kes terbaharu HFMD.

"Keputusan sama ada untuk menutup sekolah atau tadika akan diputuskan selepas perbincangan khas itu nanti," katanya kelmarin.

Beliau berkata demikian ketika sidang media selepas majlis Semanis Aidilfitri

Bersama Parti Keadilan Rakyat (PKR) Hulu Selangor di Wisma SP Care, Antara Gapi di sini.

Hadir sama Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan calon Ketua Cabang Hulu Selangor Dr Sathia Prakash.

Media sebelum ini melaporkan sebanyak 6,748 kes penyakit HFMD dilaporkan di seluruh Selangor dengan bilangan kes minguuan melebihi paras amaran setakat 7 Mei lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan Negeri Selangor Datuk Dr Sha'ari Ngadiman dilaporkan berkata, daripada bilangan berkenaan, sebanyak empat peratus daripadanya dimasukkan ke hospital bagi tujuan pemantauan lanjut dan selebihnya menerima rawatan pesakit luar.

Pada masa sama, katanya, terdapat 118 kluster HFMD dilaporkan dengan 95 peratus daripadanya membabitkan kluster di taska atau tadika serta pusat jagaan harian.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

Kuala Lumpur

Bilangan kes baru Covid-19 di negara ini bagi Minggu Epidemiologi (ME) ke-19 yang bermula dari 8 Mei hingga 14 Mei, meningkat sebanyak 119.2 peratus iaitu kepada 19,137 kes berbanding 8,732 kes pada minggu sebelumnya (ME ke-18).

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan itu menyaksikan jumlah kumulatif kes Covid-19 di Malaysia kini sebanyak 4,475,873 kes dengan 29,762 kes aktif.

Beliau berkata, sejajar dengan peningkatan kes harian pada ME ke-19, purata kadar kebolehhajangan juga menunjukkan peningkatan sebanyak 70.2 peratus iaitu 0.97 berbanding 0.57 pada minggu sebelumnya.

"Bilangan kes sembuh pada ME ke-19 menurun sebanyak 59.2 peratus atau 30,930 kes kepada 12,618 kes

Kes baru naik 119.2 peratus

Kadar jangkitan Covid-19 turut naik pada ME ke-19

berbanding ME ke-18 dan kumulatif individu pulih ialah 4,410,499.

"Kes kematian pada ME ke-19 menunjukkan sedikit peningkatan iaitu 3.1 peratus (32 kes kepada 33 kes) berbanding ME ke-18 dan menjadikan kumulatif kematian kini 35,612," katanya dalam kenyataan semalam.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata jumlah kematian pesakit Covid-19 ke fasiliti kesihatan iaitu hospital dan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) awam bagi setiap 100,000 penduduk juga meningkat 38 peratus untuk

ME sama berbanding ME sebelumnya.

"Kemasukan pesakit Covid-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 penduduk juga meningkat sebanyak 100 peratus melibatkan semua kategori pesakit.

"Secara keseluruhan, peratusan penggunaan katil PKRC meningkat sebanyak 100 peratus, penggunaan katil bukan kritikal me-

ningkat sebanyak 18 peratus manakala penggunaan katil unit rawatan rapi (ICU) menurun sebanyak 10 peratus," katanya.

"Kes kematian pada ME ke-19 menunjukkan sedikit peningkatan iaitu 3.1 peratus"
Dr Noor Hisham



23,148 dos vaksin diberikan kelmarin

Kuala Lumpur: Sebanyak 1,058,626 atau 29.8 peratus kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun di negara ini lengkap menerima vaksin di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan untuk Kanak-Kanak (PICKKids) sejak takat kelmarin

Menurut laman web COVIDNOW, seramai 1,644,027 kanak-kanak atau 46.3 peratus daripada kumpulan itu sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berumur 12 hingga 17 tahun pula, 2,904,772 (93.4 peratus) lengkap menerima vaksinasi manakala 3,002,404 (96.5 peratus) dari kumpulan yang sama sudah menerima se-

kurang-kurangnya satu dos vaksin.

Dalam tempoh sama, sejumlah 16,064,239 atau 68.3 peratus golongan dewasa menerima dos penggalak manakala 22,971,113 (97.6 peratus) lengkap dua dos dan 23,246,597 (98.8 peratus) menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin Covid-19.

Bagi pemberian dos harian pula, sebanyak 23,148 dos vaksin Covid-19 diberikan kelmarin membabitkan 9,511 dos pertama, 12,441 dos kedua dan 1,196 dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) sebanyak 70,678,279.

2,239 kes baharu Covid-19 dilaporkan

Putrajaya: Sebanyak 2,239 kes baharu Covid-19 dilaporkan setakat kelmarin menjadikan jumlah individu yang dijangkiti virus berkenaan di negara ini meningkat kepada 4,478,112 kes.

Menerusi laman sesawang COVIDNOW, kes harian berkenaan membabitkan 2,236 kes penularan tempatan dengan tiga kes lagi adalah import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

Selangor kekal menjadi negeri tertinggi mencatatkan kes baharu dengan pertambahan sebanyak 1,148 kes, diikuti Kuala Lumpur dengan 338 kes dan Pulau Pinang (171).

Negeri lain yang mencatatkan pertambahan kes ialah Negeri Sembilan dengan 112 kes, Perak (105), Johor (87), Melaka (81), masing-masing 43 kes di Kedah dan Sabah, Sarawak (30), Pahang

(28), Terengganu (17), Kelantan (13), Putrajaya (15), Perlis (6) dan Labuan (2).

Perkembangan itu menjadikan jangkitan Covid-19 dan daripada jumlah berkenaan sebanyak 96 peratus atau 29,516 kes sedang menjalani kuarantin wajib di rumah.

Selain itu, sebanyak 3.8 peratus iaitu 1,170 kes pula sedang dirawat di hospital, unit rawatan rapi (ICU) dan memerlukan alat bantuan pernafasan (23), ICU dan tidak memerlukan alat bantuan pernafasan (22) serta Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) dengan empat kes.

Mengulas mengenai kes kematian di negara ini, terdapat tiga kes kematian termasuk satu kematian di luar fasiliti kesihatan (BID) pada kelmarin.

Singapura: Singapura pada Isnin merekodkan kes Covid-19 jangkitan tempatan melibatkan dua kes varian BA.4 dan satu kes varian BA.5, menurut Kementerian Kesihatan (MOH).

"Ini adalah kes komuniti pertama yang disahkan membabitkan varian BA.4 dan BA.5," memetik laman sesawang MOH.

Pusat Pencegahan dan Kawalan Penyakit Eropah baru-baru ini mengklasifikasikannya sebagai Varian Membimbangkan (VOC).

Varian BA.4 dan BA.5 dikesan melalui ujian terhadap sampel positif tindak

Singapura catat jangkitan Covid-19 varian BA.4, BA.5

balas rantai polimerase (PCR) serta disahkan melalui penjujukan genom (WGS).

"Semua kes sama ada tanpa gejala atau mempunyai simptom ringan seperti demam, batuk, hidung berair dan sakit tekak; dan tidak memerlukan kemasukan ke hospital.

"Mereka sudah lengkap divaksinasi dan menerima dos penggalak mereka," menurut kenyataan itu.

Ketiga-tiga kes sudah menjalani kuarantin sendiri setelah diuji positif Covid-19.

Varian BA.4 dan BA.5 pertama kali dilaporkan di Afrika Selatan pada awal 2022 dan sejak itu menjadi varian dominan.

Kedua-dua varian mengandungi mutasi spike protein dan dilihat menjejaskan sistem imun dan kadar keberjangkitan lebih tinggi berbanding BA.1 dan

BA.2 yang menyebabkan gelombang Omicron awal tahun ini.

Memetik Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), sekurang-kurangnya 1,000 kes BA.4 dan BA.5 dilaporkan di sekurang-kurangnya 16 negara setakat 11 Mei 2022.

"Kami akan meningkatkan pengawasan dan terus memantau penularan BA.4 dan BA.5 di Singapura," tambah kementerian itu.

Kuala Lumpur: Menteri-Menteri Kesihatan Asean bersetuju dengan Pengiktirafan Bersama Sijil Vaksin Covid-19 bagi memastikan perjalanan rentas sempadan lancar dan selamat.

Timbalan Menteri Kesihatan II Datuk Aaron Ago Anak Dagang berkata perkara itu dipersetujui dalam sesi perbincangan khas Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan Asean (AHMM) ke-15 yang berlangsung di Bali, Indonesia kelmarin.

"Pengiktirafan ini akan dilaksanakan menggunakan

Bersetuju iktiraf sijil vaksin Covid-19 untuk permudah rentas sempadan

Mekanisme Verifikasi Sejahtera Asean atau mekanisme lain yang dibangunkan berdasarkan spesifikasi teknikal Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"Ya bertujuan memudahkan urusan pengesahan sijil vaksinasi Covid-19 dikeluarkan oleh setiap negara anggota Asean. Malaysia menghargai usaha Indonesia untuk mengambil inisiatif mengetahui pembangunan Me-

kanisme Verifikasi Sejahtera Asean itu," menurutnya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata Malaysia berpandangan bahawa sistem itu, yang dilaksanakan secara sukarela, berpotensi tinggi untuk menyokong negara Asean yang belum memiliki sistem verifikasi sijil vaksinasi Covid-19.

"Ya penting bagi melancarkan pembukaan sempadan dan seterusnya mem-

percepat proses pemulihan Asean daripada Covid-19," katanya.

Aaron berkata, Malaysia juga bersedia untuk terus bekerjasama dengan negara Asean dalam melaksanakan Pengiktirafan Bersama Sijil Vaksin Covid-19 bagi memastikan pembangunan rantau itu yang lebih sihat dan selamat selain menjamin kelangsungan hidup rakyat.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Penularan seburuk Covid-19 tetapi tak melibatkan kematian

HFMD bahaya jika lambat bertindak

Oleh ZULKIFLI MANZOR

PETALING JAYA – Kadar jangkitan kes kaki, tangan dan mulut (HFMD) yang rata-ratanya dialami oleh golongan kanak-kanak boleh seburuk penularan virus Covid-19 jika tidak dibendung segera.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam dan Pakar Epidemiologi, Jabatan Perubatan Kesihatan dan Pencegahan Fakulti Perubatan Universiti Malaya (UM), Prof. Dr. Noran Naqiah Hairi berkata, HFMD juga amat mudah berjangkit seperti Covid-19.

“Walaupun risiko kematian akibat penyakit HFMD tidak seperti Covid-19, tetapi perlu ada usaha untuk memutuskan penularan itu.

“HFMD juga berjangkit melalui titisan pernafasan semasa bercakap atau bersin. Ia juga boleh berjangkit melalui sentuhan pada permukaan yang dicemari virus HFMD,” katanya ketika dihubungi Kosmo! semalam.

Kementerian Kesihatan Malaysia baru-baru ini memaklumkan kes HFMD mencatatkan peningkatan ketara apabila merekodkan sebanyak 28,957 kes di seluruh negara pada Minggu Epid 19/2022 iaitu dari awal ta-



KANAK-KANAK adalah golongan yang mudah dijangkiti HFMD. – GAMBAR HIASAN

hun ini hingga semalam.

Jumlah itu dilaporkan meningkat berganda berbanding pada keseluruhan kes HFMD yang direkodkan sepanjang tahun lalu iaitu sebanyak 4,239 kes.

Peningkatan mendadak itu sudah dijangka memandangkan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan pada tahun lalu berbanding tahun ini susulan tiada

sekatan dikenakan dan sektor pendidikan kembali dibuka.

Noran Naqiah berkata, pelbagai faktor menyebabkan penularan HFMD termasuk musim perayaan Aidilfitri yang menyaksikan aktiviti kunjung-mengunjung dan membawa anak-anak ke tempat orang ramai.

Kata beliau, langkah memutuskan penularan HFMD sama

seperti memutuskan jangkitan Covid-19 termasuk mengasingkan anak yang dijangkiti daripada kanak-kanak lain dan kerap mencuci tangan.

“Justeru kepada ibu bapa yang mendapati anak mereka mengalami gejala HFMD perlu segera membawa anak mereka mendapatkan rawatan,” katanya. Sementara itu, Prof. Madya Dr.

Nik Daliana Nik Farid juga dari Jabatan Perubatan Kesihatan dan Pencegahan Fakulti Perubatan UM berkata, HFMD dalam kalangan kanak-kanak disebabkan oleh virus yang tergolong dalam keluarga Enterovirus.

Menurut beliau, virus yang biasa menyebabkan HFMD adalah *Coxsackievirus A16* yang merupakan penyebab paling biasa penyakit itu di Amerika Syarikat.

“*Coxsackievirus A6* juga boleh menyebabkan HFMD dan gejala mungkin lebih teruk. Enterovirus 71 (EV-A71) dikaitkan dengan kes dan wabak di Asia Timur dan Tenggara. Walau jarang berlaku EV-A71 telah dikaitkan dengan penyakit yang lebih teruk seperti ‘encephalitis’ (bengkak otak),” katanya.

Kata beliau, HFMD yang kebiasaannya dialami kanak-kanak berumur bawah lima tahun selalunya tidak serius, tetapi ia cepat merebak terutama di sekolah dan pusat jagaan.

Tambah beliau, simptom HFMD bermula dengan demam, ruam melepuh pada tangan, kaki, mulut dan lidah dan kanak-kanak dijangkiti boleh mengalami simptom jangkitan saluran pernafasan, muntah, cirit birit dan kurang selera makan.

Covid-19 meningkat selepas raya

PUTRAJAYA – Kemasukan pesakit akibat Covid-19 ke hospital dan fasiliti kesihatan semakin rancak selepas sambutan Aidilfitri selari dengan jangkakan Kementerian Kesihatan yang dibuat sebelum ini.


Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, peningkatan sebanyak 38 peratus bagi setiap 100,000 penduduk direkodkan pada Minggu Epidemiologi (ME) 19/2022 berbanding sebelumnya.

Katanya, jumlah kemasukan pesakit Covid-19 di hospital awam meningkat 100 peratus bagi setiap 100,000 penduduk.

“Bagaimanapun, penggunaan katil di unit rawatan rapi turun sebanyak 10 peratus pada ME 19 tetapi peningkatan berlaku di wad bukan kritikal iaitu sebanyak 18 peratus, manakala 100 peratus di Pusat Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah.

“Jumlah kes memerlukan alat bantuan pernafasan pula menurun sebanyak 10 peratus,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, bilangan kedatangan pesakit ke Pusat Penilaian



PUSAT Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah menerima kemasukan yang mendadak pesakit Covid-19 selepas Aidilfitri. – GAMBAR HIASAN

Covid-19 dan yang menjalani pemantauan di rumah masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 87.4 serta 153.4 peratus. “Trend kes aktif yang dipan-

tau secara maya pada ME 19 menunjukkan peningkatan ketara iaitu sebanyak 162.4 peratus atau sebanyak 35,167 kes,” katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : NASIONAL

Kemasukan pesakit ke hospital meningkat

Peningkatan kes Covid-19 sudah dijangka selepas Aidilfitri

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN

SHAH ALAM

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan jumlah kemasukan pesakit Covid-19 ke fasiliti kesihatan melibatkan hospital dan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) awam meningkat sebanyak 38 peratus bagi setiap 100,000 penduduk secara keseluruhan pada Minggu Epidemiologi (ME) 19/2022 berbanding sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah kemasukan pesakit Covid-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 penduduk juga meningkat sebanyak 100 peratus.

"KKM menjangkakan kenaikan kes selepas Hari Raya (Aidilfitri) yang disambut meriah pada minggu lalu.

"Jumlah pesakit kategori satu dan dua meningkat sebanyak 100 peratus iaitu daripada satu per 100,000 penduduk kepada dua per 100,000 penduduk.

"Jumlah pesakit kategori tiga, empat dan lima juga meningkat sebanyak 100 peratus iaitu daripada satu per 100,000 penduduk kepada dua per 100,000 penduduk," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Dalam pada itu, Noor Hisham berkata, kes-kes positif Covid-19 yang dipantau oleh Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) di seluruh negara juga menunjukkan peningkatan.

Menurutnya, perbandingan data CAC fizikal yang dilaporkan pada ME 18/2022 dan ME 19/2022 menunjukkan bilangan kedatangan pesakit ke CAC meningkat sebanyak 87.4 peratus.

"Bilangan kes Covid-19 baharu yang menjalani pemantauan di rumah meningkat sebanyak 153.4 peratus.

"Kes Covid-19 yang dirujuk CAC ke PKRC atau hospital meningkat sebanyak

28.2 peratus," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, surveilans Covid-19 telah dijalankan sepanjang pandemik dan masih diteruskan semasa Fasa Peralihan ke Endemik di beberapa klinik kesihatan sentinel dan hospital sentinel di seluruh negara.

Tambah beliau, hasil surveilans Covid-19 di lokasi sentinel seluruh negara sehingga ME 19/2022 mendapati kadar positif sampel *Influenza-Like Illness* bagi Covid-19 meningkat iaitu 6.3 peratus pada ME 18/2022 kepada 7.5 peratus pada ME 19/2022.

"Survelans Covid-19 ini dijalankan ke atas sampel pesakit yang mempunyai gejala jangkitan saluran pernafasan yang ringan atau teruk.

"Melihat kepada peningkatan yang mendadak kepada hampir ke semua indikator berkaitan Covid-19, semua rakyat Malaysia diseru sentiasa mengikuti nasihat-nasihat bagi mengawal dan mencegah penularan jangkitan Covid-19," katanya.



DR NOOR HISHAM

Hampir 30 peratus kanak-kanak lengkap vaksinasi Covid-19

KUALA LUMPUR - Sebanyak 1,058,626 atau 29.8 peratus kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun di negara ini lengkap menerima vaksin di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan untuk Kanak-Kanak (PICKkids) sehingga Ahad.

Menurut laman sesawang Covidnow 1,644,027 kanak-kanak atau 46.3 peratus daripada kumpulan itu telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berumur 12 hingga 17 tahun pula, 2,904,772 (93.4 peratus) telah lengkap menerima vaksinasi manakala 3,002,404 (96.5 peratus) dari kumpulan yang sama telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Dalam tempoh sama, sejumlah 16,064,239 atau 68.3 peratus golongan dewasa telah menerima dos penggalak manakala 22,971,113 (97.6 peratus) telah lengkap dua dos dan 23,246,597 (98.8 peratus) telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin Covid-19.

Bagi pemberian dos harian pula, sebanyak 23,148 dos vaksin Covid-19 diberikan semalam melibatkan 9,511 dos pertama, 12,441 dos kedua dan 1,196 dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) sebanyak 70,678,279.

Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan, tiga kes kematian akibat Covid-19 direkodkan pada Ahad. - *Bernama*

10 BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING

SETAKAT JAM 5 PETANG ISNIN

- 1 WANITA MAUT, KEPALA TERKENA SERPIHAN PATUNG BATU
- 2 PENDAKI HANYUT: BOMBA JUMPA KAKI MANGSA
- 3 PEMANDU TULAR HALANG AMBULANS ADA MASALAH PENDENGARAN
- 4 LELAKI PARAH DITETAK GARA-GARA SERAI DIRACUN
- 5 'PEMBUNUH' NOMBOR SATU DI LEBUH RAYA
- 6 SAMPAI BILA NAK TUNGGU MENANG PIALA THOMAS
- 7 MUHAMMAD ZIYAD SELAMATKAN KEM OLAHRAHA
- 8 INDIA MUNCUL JUARA PIALA THOMAS 2022
- 9 PENGHANTAR MAKANAN MAUT DILANGGAR BAS
- 10 SULTAN JOHOR TERIMA LAPORAN PASUKAN KHAS KES PULAU BATU PUTEH

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : DALAM NEGERI

Selangor terus catat lebih 1,000 kes positif Covid-19

PUTRAJAYA: Malaysia semalam merekodkan sedikit penurunan kes positif Covid-19 dengan mencatatkan sebanyak 2,236 kes berbanding kelmarin, 2,370 kes dan mengatasi 1,263 kes sembuh.

Berdasarkan laman web, <https://covidnow.moh.gov.my> semalam, Selangor mencatatkan kes positif harian tertinggi iaitu 1,148 kes diikuti Kuala Lumpur (338), Pulau Pinang (171), Negeri Sembilan (112), Perak (105), Johor (87) dan Melaka (81).

Diikuti Sabah (43), Kedah (43), Sarawak (30), Pahang (28), Putrajaya (15), Terengganu (17), Kelantan (13), Perlis (6) dan Labuan, hanya dua kes.

Pesakit Covid-19 yang masih diwadkan menurun kepada 421 orang berbanding kelmarin, seramai 452 orang.

Kes yang memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) semalam merekodkan penurunan kepada 45 orang berbanding jumlah kelmarin, 47 orang.

Jumlah pesakit Covid-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan turut merekodkan sebanyak 23 kes berbanding jumlah kelmarin, 31 kes.

Bagi kluster Covid-19 pula, tiada kluster baharu direkodkan manakala sebanyak 55 kluster yang masih aktif sekali gus menjadikan 7,011 keseluruhan kluster.

Dalam perkembangan berkaitan kematian Covid-19, tiga kes dilaporkan menjadikan jumlah kematian terkini sebanyak 35,615 kes.

Selain itu, satu kes kematian yang dibawa ke hospital (BID) yang menjadikan jumlah terkumpul sebanyak 7,542 kes.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS/ STORY OF THE DAY



Shoppers at a mall in Bukit Bintang, Kuala Lumpur, during the Hari Raya Aidilfitri week.
FILE PIC

119 PC INCREASE

MEGA SURGE IN COVID CASES POST-RAYA

More new cases expected if people ignore SOPs, warns Health Ministry

MOHAMED BASYIR
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

AS per the Health Ministry's forecast, Covid-19 cases saw a mammoth 119 per cent surge after the Hari Raya Aidilfitri period.

Data also showed a 100 per cent increase in admissions to hospitals and low-risk Covid-19 quarantine and treatment centres (PKRCs).

The Health Ministry cautioned that the numbers would continue to rise further if the public ignored standard operating procedures (SOPs).

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the ministry had registered a 38 per cent increase in new cases in the 19th epidemiological week (May 8 to May 14) compared with the week before.

He said Covid-19 admissions at public hospitals had increased by 100 per cent for categories 1, 2, 3 and 5.

"Non-critical bed utilisation increased by 18 per cent and bed usage at PKRCs also increased by 100 per cent. Intensive care unit (ICU) bed utilisation has dropped

by 10 per cent and ventilated cases also dropped by 10 per cent between the two epidemiological weeks," he said yesterday.

Covid-19 cases referred to Covid-19 Assessment Centres (CAC) also rose by 87.4 per cent, with patients observing home quarantine increasing sharply to a massive 153.4 per cent in the 19th epidemiological week.

Covid-19 cases referred from CACs to hospitals and PKRCs also increased by 28.2 per cent, he said.

The active cases monitored virtually by CACs spiked significantly by 162.4 per cent — from 13,400 cases in the 18th epidemiological week to 35,167 cases in the 19th week.

Recoveries from Covid-19 cases dropped in the 19th week compared with the 18th, he said.

"Recovery rates dropped by 59.2 per cent from 30,930 cases to 12,618 cases. New cases, meanwhile, increased by 119.2 per cent from 8,732 cases to 19,137 cases. Death rates also increased by 3.1 per cent.

"Active cases dropped by 17 per cent from 214,405 cases to 177,973 cases," he added.

In line with the spike in Covid-19 cases after the festive period, infectivity rates also saw a sharp spike.

He said the R-naught value for the 18th epidemiological week had dropped to its lowest this year at 0.57. However, it rebounded to 0.97 in the following epidemiological week.

He said the ministry was con-

tinuing its surveillance on Influenza-Like Illness and Severe Acute Respiratory Infection, where positive samples for Covid-19 had increased from 6.3 per cent in the 18th epidemiological week to 7.5 per cent the following week.

"Looking at the sharp increase in almost all Covid-19 related indicators, the ministry would like to continue to remind and advise all Malaysians to always follow the advice given by the government in controlling and preventing the spread of Covid-19 infections in the transition to the endemic phase.

"This increase is expected to increase further, especially if the community continues to ignore current SOPs and regulations," he added.

Meanwhile, Malaysia recorded 2,239 new Covid-19 cases on Sunday, bringing the cumulative count to 4,478,112.

A total of 29,516 patients, or 96 per cent of total active Covid-19 cases were undergoing home quarantine, and 1,170 patients, or 3.8 per cent, were hospitalised.

Four people were being treated at Covid-19 quarantine and treatment centres, 45 patients were receiving treatment in ICU, with 23 requiring ventilator support.

A total of 1,263 recoveries were registered on Sunday.

Three Covid-19 deaths were reported the same day, with one brought-in-dead case.

The death toll has risen to 35,615 since the pandemic began two years ago.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Weekly cases jump 119%

DG: Fatalities in ME19 showed a slight increase of 3.1%

KUALA LUMPUR: The number of new Covid-19 cases in the country in the 19th epidemiological week (ME19) this year (May 8-14) increased by 119.2% to 19,137 cases, compared to 8,732 cases in ME18.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the development took the Covid-19 case tally in Malaysia to 4,475,873, with 29,762 active cases currently.

He said in line with the increase in daily cases in ME19, the average infectivity rate also showed an increase of 70.2%, reaching 0.97 compared to 0.57 in ME18.

The number of recoveries in ME19 decreased by 59.2% or 30,930 cases to 12,618 cases, compared to in ME18, with cumulative recoveries now standing at 4,410,499.

"Fatalities in ME19 showed a slight increase of 3.1%, from 32 cases in ME18 to 33 cases, thus bringing the death toll to 35,612," he said in a statement yesterday,

"The admission of Covid-19 patients to public hospitals for every 100,000 residents has also increased by 100%, involving all categories of patients."

Tan Sri Dr Noor Hisham

reported Bernama.

The number of Covid-19 patient admissions to health facilities, public hospitals and Covid-19

quarantine and treatment centres (PKRCs) per 100,000 population also increased by 38% in ME19 compared to ME18.

"The admission of Covid-19 patients to public hospitals for every 100,000 residents has also increased by 100%, involving all categories of patients.

"Overall, the percentage of PKRC bed usage increased by 100%, non-critical bed usage was up by 18%, while intensive care unit (ICU) bed occupancy decreased by 10%," he added.

Meanwhile, 1,058,626 children aged between five and 11 years, or 29.8% of their population in Malaysia, have completed their vaccination under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children as of last Sunday.

According to the CovidNow website, a total of 1,644,027 children in the same age group, or 46.3%, have received at least one dose of the vaccine.

For adolescents aged between 12

and 17, a total of 2,904,772 of them, or 93.4% of their population in the country, have completed their vaccination, while 3,002,404 of them or 96.5% of the population have received at least one dose.

As for the adult population, a total of 16,064,239 individuals or 68.3% of their population have received the booster dose, while 22,971,113 individuals or 97.6% have completed two doses, and 23,246,597 individuals (or 98.8%) have received at least one dose.

As of last Sunday, a total of 23,148 doses of the Covid-19 vaccine were dispensed, with 9,511 as first dose, 12,441 as second dose, and 1,196 as booster dose, bringing the cumulative number of vaccine doses administered under the National Covid-19 Immunisation Programme to 70,678,279.

According to the Health Ministry's GitHub portal, three deaths due to Covid-19 were recorded on Sunday, with Johor registering two cases and Selangor one case.

AKHBAR : THE STAR
 MUKA SURAT : 15
 RUANGAN : NATION

Trusted voices of the pandemic

Health experts who work tirelessly to keep the people informed and safe

By **ASHLEY TANG**
 ashleytang@thestar.com.my

PETALING JAYA: Two years ago, Assoc Prof Dr Malina Osman was a little-known academic with a relatively "leisurely" life.

Then, the Covid-19 pandemic hit, and the epidemiologist was swept into the spotlight.

She was not alone. Many in the profession became the most sought-after experts to inform and educate the befuddled public about the novel coronavirus which came to be known as SARS-CoV-2.

She had to field questions not just from the public and the media but also from various bodies.

The Universiti Putra Malaysia expert said as academicians, they were always able to prepare and plan their routine before the pandemic.

"It was a relatively leisurely life. I did not have to answer any burning questions or address matters for the sake of the nation. And I was not known to the public.

"But when the outbreak hit, I had to come forward with the relevant views in pandemic management. It was a time when the community and media could not rely solely on the Health Ministry and National Security Council for details," she said in an interview.

At the height of the pandemic, Dr Malina became much busier, with queries coming all day long. "They did not come just from the media but also from government departments, NGOs, institutions, workplaces, communities, associations and the public."

Like other biostatisticians, she had to keep abreast of the ever-changing pandemic situation.

"I had to create my own data to



At the fore: UPM's Dr Malina and UM's Dr Awang Bulgiba were sought out for their expert opinions during the pandemic.

analyse and refer to policies and updated scientific information," she said.

The 53-year-old said she was working from home much of that time.

"There were no proper office hours and at times, I had to respond to urgent questions at night.

"At the same time, there were online classes, discussions and ongoing research to conduct."

To top it all, the mother-of-three remembered having to manage endless household chores.

"It was a great challenge. Thankfully, I had strong support from my husband and children who understood perfectly the scope of my job, which got more intense during the pandemic.

"But the kids grumbled sometimes when I needed to postpone plans to settle urgent requests from the media," she revealed.

Covid-19 was first detected in Malaysia on Jan 25, 2020, among three China nationals from Wuhan who were part of a group of 10 who had first travelled to Singapore from Guangzhou on Jan

20 that year.

Not long after, the first Malaysian – a 41-year-old man from Selangor – tested positive on Feb 4.

As infections rose, public health experts were flooded with media requests to shed light on the unfolding health crisis.

Dr Malina said she received an average of five to 10 media calls or messages a day.

"Hopefully, my efforts and analyses helped them in the content of their stories," she said.

Even though there had always been warnings about the "next pandemic", Dr Malina said she did not expect an outbreak of this scale to hit in the 21st century.

"In the past when I read about the plague in Europe, I thought that such a pandemic would never happen again in modern times. How wrong I was.

"The war against potential outbreaks of any infectious disease will continue. But with knowledge and available technology, we can face it," she said.

For Universiti Malaya's Prof Datuk Dr Awang Bulgiba Awang Mahmud,

although being busy was nothing new to him, the pandemic brought a new dimension to his work.

Life was already hectic for the leading epidemiologist in his field, holding administrative positions at various levels in the university.

"Before the pandemic, epidemiology, for me, was mainly about teaching, research and student supervision.

"During the pandemic, that part of the job of an academic continued but several things were added.

"I was called upon for opinions and I found myself having to do quite a bit of analyses as the pandemic was unfolding, and a fair amount of educating and advocating for policy changes when it was clear to me that the wrong policies were being implemented," he said.

He was also appointed by the Science, Technology and Innovation Ministry to head two committees on epidemiological analyses and to offer independent opinions on vaccinations.

Dr Awang Bulgiba has also been continuously contacted by foreign media from Singapore, Hong Kong and Australia and invited to speak at Covid-19 webinars.

From this pandemic, the professor said he discovered quickly that evidence from the past did not necessarily predict the future and that adaptability has been a defining quality of good leadership during a health crisis.

"One must acknowledge that evidence may change as the situation changes rapidly during the pandemic."

He also learned that people's behaviours are influenced by many things including their level of understanding and the approach used to reach out to them.

"Changing policies is difficult but it can be done if you work at it hard enough and persist. It is difficult to refute evidence and numbers, if they are properly analysed and presented.

"And if you are true to yourself, offer opinions which are strictly based on science and evidence, people will recognise that non-partisan stance and are more likely to listen to you," he said.

Dr Awang Bulgiba, who also heads the Independent Covid-19 Vaccination Advisory Committee, pointed out that when he sees the results of his work resulting in favourable outcomes and changing people's lives for the better, it makes him feel good to be an epidemiologist and glad that he chose this profession.

"The work of an epidemiologist is directed at entire populations, not just one or two individuals, so it has the potential to change society in many ways," he added.

For youth interested in the profession, Dr Awang Bulgiba has this to say: "Not everyone finds pondering over numbers and finding patterns interesting but 'eureka' moments when discernible patterns emerge from the fog of data are things which turn epidemiologists into 'rock stars' during a pandemic.

"A critical mind and an inquiring mindset are essential.

"Also, skills and knowledge in statistics will be very helpful to an epidemiologist, especially as big data becomes ubiquitous," he said.

The people have these "rock stars" to thank for never stopping to shine a light on a disease that has killed at least 6.23 million people and infected 512 million others so far globally.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

New Covid-19 cases up 119% last week

KUALA LUMPUR: The number of new Covid-19 cases for the 19th epidemiological week (May 8 to May 14) increased by 119.2% to 19,137 cases compared with 8,732 cases in the 18th epidemiological week.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said this brought the cumulative Covid-19 case tally to 4,475,873 with 29,762 active cases.

He added the average infectivity rate also showed an increase of 70.2%, reaching 0.97 compared with 0.57 in the 18th week.

The number of recovered cases in week 19 dropped by 30,930 cases or 59.2% to 12,618 cases.

"Fatalities in week 19 showed a slight increase of 3.1% or 33 cases from 32 cases in week 18, bringing the cumulative death toll to 35,612," Noor Hisham said in a statement yesterday.

The number of patients admitted at health facilities, public hospitals and quarantine and treatment centres also increased by 38% in week 19.

"The admission of patients to public hospitals has also increased by 100% involving all categories.

"The percentage of bed usage at quarantine and treatment centres increased by 100%, non-critical bed usage up by 18%, while intensive care unit bed occupancy decreased by 10%," he added. - Bernama

More than 2m adolescents fully vaccinated

KUALA LUMPUR: A total of 1,058,626 children aged between five and 11 or 29.8% of their population have completed their vaccination under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children as of Sunday.

According to the CovidNOW website, a total of 1,644,027 children in the same age group, or 46.3%, have received at least one dose of the vaccine.

For adolescents aged between 12 and 17, a total of 2,904,772, or 93.4%, have completed their vaccination, while 3,002,404 or 96.5%, have received at least one dose of the vaccine.

As for the adult population, 16,064,239 or 68.3% of their population, have received the booster dose, while 22,971,113 or 97.6% have completed two doses of the vaccine, and 23,246,597 or 98.8% received at least one vaccine dose.

A total of 23,148 doses of the vaccine were dispensed on Sunday with 9,511 as the first dose, 12,441 as second dose and 1,196 as booster dose, bringing the cumulative number of vaccine doses administered under the National Covid-19 Immunisation Programme to 70,678,279.

According to the Health Ministry's GitHub portal, three deaths due to Covid-19 were recorded on Sunday.

Johor registered two cases and Selangor one case. - Bernama